

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 22 RABU 3 JUN, 1970 1390 رابو 28 ربيع الاول PERCHUMA

DULI PENGIRAN PERDANA WAZIR AKAN MERASMIKAN HARI PELAJAR

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah akan merasmikan pembukaan Hari Pelajar pada hari Sabtu 6 Jun di-padang SMJA, Bandar Brunei.

Beribu2 orang murid2 dari sekolah2 Melayu di-seluruh negeri akan berhimpun di-padang untuk menyertai rapat itu yang mana akan di-serikan dengan persembahan tarian2 dan lain2.

Sembilan kumpulan telah dipilih termasuk dua dari Sekolah Menengah Melayu Jalan Muara dan Sekolah Menengah Melayu SMJA akan mengambil bahagian dalam rapat Hari Pelajar itu.

Peserta2 yang mengambil bahagian dalam rapat itu juga akan mempersembahkan lakunan2 yang bersangkutan dengan pelajaran2 mereka di-sekolah seperti kesihatan, ilmu alam dan ilmu hisab.

Hari Pelajar ini akan diadakan di-tiap2 sekolah rendah Melayu pada tarikh2 yang berasingan.

Pada hari tersebut semua ibu bapa dan penjaga murid adalah di-persilakan datang ka-sekolah2 untuk melihat sendiri bagaimana anak2 mereka belajar di-sekolah.

Berikut ini ada-lah jadual Hari Pelajar yang akan di-adakan dalam minggu ini:

Pada 7 Jun, 1970 — S. M. Kiudang, S. M. Batang Mitus, S. M. Lamunin dan S. M. Kampong Menengah.

8 Jun — Sekolah Melayu Kinua, Temburong.

9 Jun — S. M. Kuala Balai, Ulu Belait dan S. M. Bokok, Temburong.

10 Jun — Sekolah Melayu Balais, Temburong.



D.Y.M.M. saksikan pertunjukkan tattoo AMDB

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri telah berchemarduli ka-Berakas Kem untuk menyaksikan pertunjukkan tattoo Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Pertunjukkan tersebut ia-lah bersempena menyambut hari jadi yang ka-sembilan tertuboh-nya pasokan itu.

Keberangkatan tiba Duli2 Yang Maha Mulia di-khemah itu telah di-sambut oleh Pegawai Pemerintah Pasokan Askar Melayu Di-Raja, Colonel J. J. H. Simpson.

Pertunjukkan tattoo itu dimulakan dengan pertunjukkan gimnastik, di-ikuti dengan pertunjukkan kawat senyap oleh platoon kompeni pembantu, pertunjukkan berjalan bunga oleh pasokan pencharagam, pertunjukkan go-kart istimewa dan tarian budaya oleh isteri2 dan anak2 anggota Askar Melayu Di-Raja.

Juga termasuk dalam pertunjukkan itu ia-lah lakunan oleh Askar2 Gurkha bagaimana saorang anggota-nya Bhanbhagta Gurung mendapat Pingat Victoria Cross semasa berjuang menentang Jepun di-Burma dalam tahun 1945. Peranan Bhanbhagta Gurung telah dilakukan oleh anak-nya Krishnabhadur Gurung.

Askar Melayu Di-Raja juga telah menunjukkan acara2 yang akan di-persembahkan di-United Kingdom dalam bulan Julai hadapan.

Turut hadir menyaksikan pertunjukkan itu ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Raja, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British Awang A. R. Adair, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Menteri Besar, kerabat2 di-raja ketua2 jabatan kerajaan serta jempunan2 khas.

D.Y.M.M. ketika di-alu2kan keberangkatan baginda di - Berakas Kem oleh Pegawai Pemerintah AMDB., Col. J. J. H. Simpson.

Tanda2 jenis filem yang sesuai untuk di-tuntun

BANDAR BRUNEI. — Lembaga Penyemak telah mengadakan tanda2 bagi jenis filem2 yang sesuai untuk di-tayangkan di-panggung2 wayang di-seluruh negeri, kapada tiga bahagian.

Di-bawah peratoran2 baru itu, panggong2 wayang di-kehendaki mempamerkan tanda2 filem yang sedang di-tayang atau yang di-jadual di-tayangkan.

Apabila sa-sebuah filem itu menunjukkan tanda jenis "X", ini berma'an filem itu ada-lah sesuai untuk orang2 dewasa sahaja.

Kanak2 berumur ka-bawah 16 tahun, tidak di-benarkan menyaksikan filem itu.

Bahagian kedua ia-lah filem2 yang sesuai untuk di-lihat oleh orang2 dewasa dan kanak2 yang mesti di-iringi oleh orang2 dewasa.

Filem2 ini ada-lah di-bawah tanda "A".

Lembaga Penyemak menggunakan tanda "U" bagi filem2

yang sesuai untuk di-tuntun oleh orang ramai. Filem2 di-bawah jenis ini ada-lah sesuai untuk di-tuntun oleh orang2 dewasa dan kanak2.

Sa-orang juruchakap lembaga itu berkata, tanda2 yang di-sesuaikan itu ada-lah berdasarkan kapada keperluan2 keselamatan dan kesan2 moral ka-atas ugama.

Pegawai AMDB berkursus di-Australia

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang pegawai Askar Melayu Di-Raja, Kapitan Kefli bin Razali di-jadualkan berlepas ka-Australia esok untuk menghadiri kursus dengan Angkatan Laut Australia.

Semasa kursus itu beliau akan di-tempatkan di-kapal Angkatan Laut Di-Raja Australia Aware selama sa-bulan.

Kapitan Kefli akan berada di-Australia selama kira2 tiga bulan.

(SAMBONGAN MINGGU LEPAS)

Dalam bahagian Manteri banyak juga diadakan tambahan2 seperti Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja dan Pehin Orang Kaya Penggawa Laila Bentara. Bagitu juga diadakan tambahan2 kepada Manteri Dagang seperti Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Di-Raja dan Pehin Orang Kaya Kanun Laila Di-Raja.

Boleh jadi ada orang berfikir bahawa tambahan2 seperti ini di-zaman Sultan Hassan Bol-kiah merupakan suatu keganjilan, tetapi menurut sejarah tambahan2 dan juga pindaan pernah berlaku di-zaman dahulu.

Di-zaman Sultan Hassan wazir hanya dua iaitu Duli Pengiran Bendahara dan Duli Pengiran Temenggong. Sultan Hassan menambah dua wazir lagi iaitu Duli Pengiran Di-Gadong dan Duli Pengiran Pemanha, menjadikan empat orang wazir.

Di-zaman Sultan Omar Ali Saifuddin Ibni Sultan Mohammad Aliuddin telah diadakan tambahan Manteri, iaitu Baginda hendak mengurniakan gelaran kepada sa-orang Melayu yang berasal dari Perak bernama Ali Mohammad, orang ini sangat berbakti kepada Sultan, pada masa itu semua gelaran manteri2 yang tertinggi telah penuh, maka untuk menyesuaikan dengan kebaktian Ali Mohammad maka diadakanlah gelaran tambahan kepada manteri yang bernama Pehin Datu Perdana Menteri yang menjadi Ketua segala Manteri2.

Demikianlah hakikat sejarah mengenai dengan pindaan2 dalam pembesar2 negara.

Pegawai2 Negara Dan Manteri2 Darat:

Di-samping istilah pembesar2 negara ada terdapat lagi dua istilah lain yang menjalankan kuasa Sultan iaitu:

- a. Pegawai2 Negara.
- b. Manteri2 Darat.

Ada pun pegawai2 Negara itu termasuklah Pegawai Uga-ma (Mudim) Panglima, Pateh dan Damong, Pegawai2 Istana, Juru2 dan Pengarah2.

Adapun yang di-maksudkan dengan Manteri2 Darat itu termasuklah mereka yang di-lantik terdiri daripada orang2 di-darat ya'ani orang2 pendalaman.

Memenangkan gelaran:

Untuk menjalankan pentadbiran Negara ada-lah wajar supaya semua gelaran2 itu dipenohi, tetapi tidak-lah menjadi kechachatan sa-kira-nya beberapa gelaran tidak dipenohkan, kerana perkara memohon gelaran ada-lah menjadi hak Sultan semata2.

Gelaran:

Menurut istilah bahawa menggelar sebarang orang untuk memegang sebarang gelaran ada-lah seperti berikut:

- a. Wazir di-arak.
 - b. Cheteria di-angkat.
 - c. Manteri di-sampiri nama.
- Sa-belum sa-seorang itu di-

beri gelaran dia hendaklah mempunyai syarat2 yang tertentu bagi menyesuaikan taraf gelaran itu dengan keadaan orang tersebut serta kebolehan2-nya, khas-nya supaya kewajiban2 gelaran-nya dapat ditunaikan dengan sempurna bagi menjaga dan memelihara nama baik Sultan.

Sa-chara umum syarat2 itu, menurut suratan yang dititahkan oleh Paduka Seri Sultan Mohammad Tajuddin kepada tuan Haji Abd. Latif bahawa pada zaman Sultan Hassan apabila "segala raja2 akan berbuat manteri dan hulubalang atau pegawai, maka hendaklah pertama orang berbangsa, kedua orang yang bijaksana lagi berakal, ketiga orang berani dan lagi perkasa pada barang pekerjaan-nya, ke-empat adalah orang itu takut akan raja-nya dan hormatnya, maka jikalau ketiadaan salah satu syarat yang tersebut di-atas maka tiada-lah sempurna di-jadikan wazir atau manteri atau hulubalang atau pegawai".

Sebab pun pembesar2 negara itu, sa-belum di-lantik diperhatikan mengenai dengan syarat2 gelaran-nya ia-lah kerana mereka itu pada lazimnya atau boleh di-bawa berunding oleh Sultan. Perkara ini ada di-sebutkan dalam Shaer Rakis seperti berikut:

Rakis pertama mula di-surat akan-nya dalil tamsil ibarat sabarang negeri dagang melihat berbuat sekolah tempat menyurat.

Mashuarat dengan Cheteria Manteri serta Imam Khatib dan Haji merunding rakyat menguasai negeri supaya mashor khabar zamani. Sembah dagang hina lata kebawah kadim Duli Mahkota jikalau tuanku mengikut kata barulah karal di-atas tahta.

Kewajipan Pembesar2 Negara:

Sa-bagaimana yang telah dinyatakan tadi bahawa pembesar2 negara itu di-beri hak untuk menjalankan kewajipan terhadap negara dan kekuasaan yang mereka jalankan itu ia-lah kuasa Sultan.

Sa-bagai mithalan menurut Sir Reginald Edward Stubbs da-

lam tulisan-nya yang bertajuk "Two Colonial Office Memoranda On The History Of Brunei" bahawa "The Bendahara is Prime Minister and is responsible for internal administration. Then Temenggong conducts expeditions and superintends execution. The Di-Gadong is Treasurer and the Pemanha appears to be little more than his deputy. The functions of the Shahbandar are those of a Minister of Commerce."

Yang bermaksud bahawa Bendahara ada-lah Perdana Menteri dan bertanggung jawab bagi pentadbiran dalam negeri. Temenggong memimpin dan menguasai pelaksanaan perang. Di-Gadong ada-lah Bendahari dan Pemanha nampak-nya lebih sedikit sa-bagai Timbalan-nya. Tanggong jawab Shahbandar ada-lah sa-bagai Manteri Perdagangan.

Saya tidak-lah bermaksud untuk menerangkan kewajipan pembesar2 Negara itu tiap2 sa-orang atau satu persatu-nya tetapi saya akan choba menerangkan kewajipan2 mereka dari berbagai2 sudut sa-bagai contoh saja.

Kehakiman:

Pengetua yang tertinggi sekali dalam hak kehakiman ia-lah Pengiran Bendahara, ia dibantu oleh Pengiran Seri Maharaja (Cheteria Enam Belas) dan Pehin Datu Perdana Manteri serta Pehin Datu Seri Maharaja.

Kewangan:

Pengetua yang tertinggi bagi hal ehwal kekayaan negara dipegang oleh Pengiran Di-Gadong, di-bantu oleh Pengiran Shahbandar dalam urusan penghasilan dan perusahaan negeri, demikian juga Pengiran Indra Mahkota, manakala Pengiran Mahawangsa (Cheteria tiga puluh dua) akan menguruskan hal ehwal sukatan dan timbangan, dan Pehin Orang Kaya Shahbandar menguruskan hal ehwal penghasilan serta pelabohan, Pehin Orang Kaya Laila Wangsa bertanggung jawab dalam hal ehwal perdagangan dan Pehin Orang

Kaya Setia Jaya (menteri tiga puluh dua) menjadi ketua pemungut penghasilan.

Adat Istiadat:

Orang yang bertanggung jawab mengenai Adat Istiadat, resam dan kanun negara ia-lah Pengiran Pemanha di-bantu oleh Pengiran Paduka Tuan serta Pengiran Si-Raja Muda, serta di-bantu oleh Pehin Jawatan Dalam dan Pehin Jawatan Luar.

Pelajaran dan penerangan:

Perkara ini di-pegang oleh Pengiran Temenggong, dengan bantuan Pengiran Putera Negara dalam hal ehwal ma'alumat, dan Pengiran Jaya Kesuma dalam hal ehwal pendidikan, serta Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja mengawasi hal ehwal pemberigian (perma'aluman), dan Pehin Orang Kaya Ratna Dewa mengawasi hal ehwal pendidekan am.

Ketenteraan dan keamanan:

Pengetua tertinggi dalam hal ini di-pegang oleh Pengiran Di-Gadong, kechuali dalam hal ehwal ketenteraan laut ada-lah di-pegang oleh Pengiran Temenggong, manakala Pengiran Maharaja Lela bertanggung jawab dalam hal ehwal keamanan negeri dan ketenteraan, Pengiran Setia Negara bertanggung jawab dalam hal ehwal keamanan dalam negeri dan pertahanan, dan kebanyakan manteri pengalasan damit (Manteri tiga puluh dua) ada-lah bertanggung jawab dalam hal ketenteraan dan keselamatan termasuklah tentera sukarela.

Jajahan ta'alok:

Negeri2 yang baru di-ta'alok di-kuasai oleh Pengiran Temenggong, tetapi apabila urusan pena'alokan itu telah selesai, maka Pengiran Temenggong akan menyerahkan kekuasaan-nya kepada Pengiran Di-Gadong, jadi-nya urusan2 negeri yang di-ta'alok di-bawah pentadbiran Pengiran Di-Gadong, pembantu-nya ia-lah Pengiran Ratna Wijaya dan Pehin Orang Kaya Indra Laila.

(Lihat Muka 6)

SELAYANG PANDANG MENGENAI ADAT ISTIADAT BRUNEI

OLEH:

Y.B. PEHIN ORANG KAYA RATNA DI-RAJA
DATO UTAMA AWANG HAJI MOHD. ZAIN BIN
HAJI SERUDIN

SA-BAGAIMANA yang kita ketahui bahawa perkahwinan di-dalam Islam ada dengan peraturan2 yang tersendiri yang di-sebut syarat dan rukun2 nikah, termasuklah wali. Menurut sa-buah hadith yang bermaksud "Bahawa tidak sah satu2 nikah itu melainkan dengan wali dan dua orang saksi".

Dalam memperkatakan soal wali yang di-maksudkan di-dalam bab nikah ia-lah dari bapa hingga penghabisan, mengikut tertib yang termaklum dan sekira-nya tidak ada wali2 yang di-sebut wali khas, maka baru-lah berpindah kepada wali hakim.

Apa yang di-maksudkan dalam perkara ini ia-lah pada akhir2 ini banyak perkara nikah kahwin telah menjadi soal pada menyempurnakan akad nikah. Kadang2 terjadi-lah salah faham di-antara pihak2

AKAD NIKAH PERLU DI-JALANKAN DENGAN SEMPURNA

KHUTBAH JUMA'AT

"Akhir2 ini berbagai2 masalah telah timbul dalam soal menyempurnakan akad nikah, hingga menimbulkan salah faham antara juru2 nikah dengan pihak2 yang di-nikahkan. Ini ada-lah termasuk soal wali dan ada-nya pengakuan2 terhadap anak angkat dan anak tiri yang di-katakan anak sendiri".

yang bernikah dengan juru2 nikah yang di-lantek di-beri kuasa tertentu pada mengakad nikah dalam Negeri Brunei ini.

Untuk melicinkan pekerjaan nikan kahwin, terutama pada menjalankan istiadat akad nikah, maka hendaklah pihak yang bertanggung-jawab memanggil atau menentukan juru nikah yang akan menjalankan akad nikah, sa-bagai wakil atau sa-umpama-nya. Pertama2 hendaklah memberikan keterangan dengan betul dan hendak-nya pada menentukan masa memanggil dan waktu hendak berakad, hendaklah di-beri satu masa yang sesuai untuk juru2 nikah itu memberikan ke-sanggupan dan menyiasat atau mengambil apa2 keterangan dari pihak2 yang berkenaan, jangan-lah sampai sa-bagaimana kata pepatah "sa-perti bidan terjun" maka sudah tentu-lah akad nikah itu akan tergendala jika syarat2 yang di-kehendaki tidak ada, seperti wali atau surat2 keterangan cherai suami yang pertama atau sa-umpama-nya.

Nikah kahwin dalam Islam ada-lah dengan tujuan dan maksud2 yang tertentu, bukanlah nikah kerana hawa nafsu. Sebab itu ugama Islam telah membuat dasar dan peraturan2 yang tertentu sa-perti siapakah yang menjadi pasangan si-suami itu dan mengapa sa-tengah2 perempuan di-haramkan bernikah dengan-nya, begitu juga sa-balek-nya.

Memandang kepada maksud2 nikah kahwin ini bukan hanya sa-takat hidup di-dunia sahaja, bahkan untuk hidup di-akhirat. Oleh itu kerja2 menyempurnakan nikah kahwin itu hendaklah di-buat sa-bagaimana yang di-mestikan, atau dengan lain perkataan akad nikah hendaklah di-lakukan mengikut hukum shara'.

Oleh itu ada-lah salah bagi orang2 yang telah membelakangkan peraturan2 yang telah di-atur oleh hukum shara' dari segi menyempurnakan akad nikah dan harus boleh membawa kepada tidak sah-nya akad nikah itu, apa lagi orang yang memberikan keterangan2 salah seperti anak angkat atau anak tiri di-katakan anak-nya sendiri berdasarkan keterangan2 seperti kad pengenalan dan sa-umpama-nya, juga seperti memaksa wali pada menikahkan mauliah-nya (perempuan yang di-walikan).

Oleh itu ada-lah tidak menjadi salah di-dalam hukum shara' bahawa kita sa-bagai manusia yang mempunyai adat istiadat yang tidak menyalahi ugama Islam yang di-ikut demi kebaikan masyarakat dan pergaulan sa-hari2.

Maka akhir-nya, ada-lah diserukan sekali lagi supaya tuan2 membuat sa-suatu perkara itu mengikut peraturan2 yang tertentu, muga2 kita akan selamat dan masyarakat kita akan aman tenteram.



Gambar atas menunjukkan Awang Abdul Wahab bin Begawan Pehin Tuan Imam dari Daerah Brunei-Muara yang telah menjadi johan dalam peraduan membaca berzanji sastera Brunei yang telah berlangsung di-Pekan Bangar baru2 ini.

Johan dalam bahagian perempuan ia-lah Dayang Aisah binte Begawan Mudim Haji Adnan dari Daerah Temburong.

Peraduan Membaca Berzanji itu ada-lah kemuncak dari acara dalam Pesta Maulud yang telah di-adakan di-Pekan Bangar, Temburong pada minggu lepas.

Pesta Maulud itu telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Brunei, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Antara acara2 yang telah di-persembahkan pada malam itu termasuklah persembahan Nashid, bacaan ayat2 suci Al-Quran dan Sharahan khas yang di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Seruddin.

Keputusan penoh ada-lah seperti berikut:

Bahagian lelaki:— Naib johan — Awang Ali Khan bin Ismail dari Daerah Temburong dan ketiga Awang Ali bin Sanai, dari Daerah Belait.

Bahagian perempuan: Naib johan — Dayang Asmah binte Paidi dari Daerah Brunei-Muara dan ketiga — Dayang Mastura binte Nawi dari Daerah Belait.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Momin.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 3 Jun 1970 hingga ka-hari Selasa 9 Jun 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari						
	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit
3 Jun		12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52 6-06
4 Jun		12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52 6-06
5 Jun		12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52 6-06
6 Jun		12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52 6-06
7 Jun		12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52 6-06
8 Jun		12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52 6-06
9 Jun		12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52 6-06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

3hb. Jun, 1970.

BAHAYA DARI PERBUATAN YG. KURANG BAIK

YANG Berhormat Setia Usaha Kerajaan baru2 ini telah mengulangi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang menekankan bahawa Islam itu hendaklah di-laksanakan sebagai "satu chara hidup yang lengkap" yang meliputi aspek2 kehidupan, ekonomi dan sosial.

Ini ada-lah termasuk tingkah laku dan perbuatan kita pada sa-tiap saat, bukan sahaja kita sa-bagai orang persorangan, bahkan lebeh2 lagi sa-bagai anggota masyarakat dan sa-bagai kakitangan kerajaan, pemegang amanah negara.

Maksud bagi kenyataan ini amat-lah luas dan ia-nya boleh di-artikan kepada berbagai2 pengertian yang bermotifkan kebaikan belaka. Kalau mau di-artikan kepada yang lain dari yang bermaksud kepada kebaikan, maka ternyata jalan-nya tidak ada.

Oleh kerana itu dan demi durungan kechintaan kita terhadap sa-suatu yang baik2 untuk di-tauladani oleh jenerasi2 yang akan datang, maka penjelasan2 yang lebeh lanjut kita rasa amat baik di-berikan. Sakurang2-nya boleh juga mengelakkan dari sebarang anggapan yang kurang menyenangkan.

Bahawa penyandaran kepada ucapan itu ternyata lebeh memberatkan kepada kakitangan kerajaan, pemegang amanah negara dan sifat sa-bagai anggota masyarakat yang sudah tentu di-maksudkan masyarakat Brunei yang di-harapkan dapat mencherminikan Brunei dan keadaan yang ada di-dalam-nya.

Bahawa yang lebeh di-beratkan memikul tanggung-jawab itu ia-lah orang Brunei yang beragama Islam yang sudah tentu memegang teraju utama sa-bagai satu kewajipan yang mutlak pada menyakinkan bahawa kehendak2 Islam itu dapat di-iadikan sa-bagai satu chara hidup yang lengkap yang meliputi aspek2 kehidupan, ekonomi dan sosial.

Maka gulongan yang paling berpengaruh ada-lah terdiri dari kakitangan kerajaan yang juga biasa-nya di-sifatkan sa-bagai pemegang amanah negara. Dengan yang demikian, maka ada-lah perkara yang utama dalam sa-tiap diri mereka itu mengamalkan pembawaan2 yang selari dengan kedudukan dan tuntutan2 yang sewajar-nya di-lakukan oleh mereka.

Gambaran2 yang lahir dari tingkah laku dan perbuatan sa-sorang itu, merupakan salah satu bahan untuk mengukur maju mundor-nya negara dan bangsa-nya, lebeh2 lagi jika ia salah sa-orang yang mempunyai kewajipan2 yang tertentu.



D.Y.M.M. berdiri tegak di-atas pentas khas ketika lagu Kebangsaan Brunei di-mainkan untuk mengalu2kan keberangkatan baginda. Di-sebelah kiri baginda ia-lah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Raja manakala di-belakang kelihatan T.Y.T. Pesurohjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair.

D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika di-alu2kan oleh Pegawai Pemerintah AMDB., Col. Simpson.

Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British, Awang Adair dan Puan Adair ketika tiba di-Berakas Kem untuk menyaksikan pertunjukan tersebut.



PERTUNJOKKAN TATTOO ASKAR MELAYU DI-RAJA

PASOKAN Askar Melayu Di-Raja Brunei telah mengadakan pertunjukan tattoo selama tiga malam ia-itu pada 27, 28 dan 30 Mei lepas.


Pertunjukan itu ia-lah bagi menyambut hari jadi yang ke-9 tahun tertuboh-nya regiment itu.

Pada 27 Mei pertunjukan itu telah di-khaskan bagi murid2 sekolah dan persatuan2 belia di-Daerah Brunei-Muara dan pada 28hb. Mei bagi orang ramai.

Duli2 Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Raja Isteri serta kerabat2 di-raja telah berchemarduli ka-Berakas Kem untuk menyaksikan pertunjukan tersebut pada 30 Mei.

Pertunjukan itu mengandungi achara2 yang menarik termasuk pertunjukan tattoo yang akan di-tunjukkan oleh Askar Melayu Di-

Raja hadap orang telah pun telah bahai 2/2nd S Duli2 Sultan jempu wai u D Paduk Chief motor



Kesah pertempuran parajurit Bhanbhagta Gurung yang telah Pingat Victoria Cross kerana keberanian-nya menentang tentera Burma dalam tahun 1945 telah menarik perhatian para peramal malam itu. Kesah itu telah di-lakukan oleh anak-nya seorang bahadur Gurung dan anggota2 tentera Gurkha C Kompeni Edward Own Gurkha Rifles.

O HARI JADI A YANG KE-9

United Kingdom dalam bulan Julai dan sa-buah lakunan bagaimana sa-sar Gurkha, Bahanbhagta Gurung yang kurniakan Pingat Victoria Cross kerana menentang tentera Jerman dalam tahun 1945. Lakunan ini nyakan oleh anak-nya sendiri Kishana-Gurung dan anggota2 C Kompeni ng Edward's Own Gurkha Rifles.

lah menyaksikan pertunjokkan itu, ng Maha Mulia Paduka Seri Baginda n Raja Isteri, kerabat2 di-raja serta khas telah berangkat ka-mess pega-menghadhiri satu majlis jamuan.

n majlis itu Duli Yang Teramat Mulia ri Begawan Sultan selaku Colonel-In-ar Melayu Di-Raja Brunei telah me-ek hari jadi regiment itu.




D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan selaku Colonel-In-Chief A.M.D.B. sedang memotong kek hari jadi yang ke-9 regiment itu, sambil di-perhatikan oleh Pegawai Pemerintah AMDB, Col. J. J. H. Simpson dan pegawai2 AMDB.

Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir, Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Setia Negara dan Datin Hajjah Salmah ada-lah di antara yang turut menyaksikan pertunjokkan pada malam itu.


Begini-lah pakaian yang akan dipakai oleh anggota2 AMDB yang akan mengambil bahagian dalam pertunjokkan Royal Tournament di Earls Court, London, the Edinburgh, the Crieff Highlands Games dan the Colchester dalam bulan Julai hadapan.



Tarian Budaya oleh isteri2 dan anak2 pegawai dan anggota AMDB ada-lah di-antara achara yang di-persembahkan dalam pertunjokkan tattoo itu. Pertunjokkan jimanastik oleh anggota AMDB ada-lah achara pertama yang di-persembahkan pada malam itu.



Pasokan pencharagam AMDB yang menyumbangkan lagu2 yang berentak mach dalam pertunjokkan itu.



Kerajaan sentiasa memberi kemudahan2 kepada belia2

BANDAR BRUNEI. — Pesuruhjaya Kebajikan Masharakat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Mohammad Salleh bin Haji Masri berkata, kerajaan akan sentiasa memberi peluang dan kemudahan2 bagi belia2 di-negeri ini dan ada-lah terserah kepada belia2 itu untuk menggunakan-nya dengan sa-penuh-nya.

Pesuruhjaya Kebajikan Masharakat itu telah berucap sa-belum merasmikan pembukaan mashuarat agong tahunan Persatuan KUJAGA yang pertama yang di-adakan di-Pusat Belia di-Bandar Brunei pagi hari Juma'at lepas.

Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Mohammad Salleh juga menasihatkan belia2 di-negeri ini supaya jangan semata2 bergantung kepada pekerjaan dengan kerajaan tetapi hendak-lah berusaha tetapi hendak-lah berusaha dalam lapangan2 perniagaan, pertanian dan lain2.

Terdahulu dari itu Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Serudin dan Yang Di-Pertua Persatuan itu Awang Haji Sabtu bin Mohammad juga telah berucap.

Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohammad Zain telah mengucapkan tahniah kepada persatuan itu kerana inisiatif mereka dalam memulakan sekolah asuhan kanak2.

BARANG2 MUZIUM BRUNEI.....7



Nama: Bedil Buaya.

Selayang pandang mengenai adat istiadat Brunei

(Dari Muka 2)

Kebajikan:

Pengiran Shahbandar bertanggung jawab dalam hal ehwal kebajikan masharakat, ia di-bantu oleh Pengiran Kesuma Negara dalam hal ehwal kesentosaan raayat, Pehin Orang Kaya Kesuma mengawasi hal ehwal kebajikan am.

Ugama:

Pengetua yang tertinggi dalam hal ehwal Ugama ia-lah Pengiran Bendahara di-bantu oleh Pengiran Paduka Tuan, serta Pehin Datu Seri Maharaja ada-lah pengawas hal ehwal Ugama serta perjalanan-nya dengan di-bantu oleh Manteri2 Ugama.

Demikian-lah selayang pandang sa-bagai mithalan sa-bahagian daripada kewajipan pembesar2 negara yang mana mereka itu bertugas untuk menjalankan kekuasaan Sultan.

Perlembagaan:

Dengan ujud-nya Perlembagaan Negeri Brunei 1959 maka pemerintahan negeri ini sekarang ini adalah di-jalankan menurut perlembagaan tersebut. Demikian juga dengan ada-nya Pemashhoran Mengangkat Raja dan melantek Pemangku Raja 1959, maka perkara2 mengenai-nya telah di-tentukan menurut pemashhoran tersebut.

Tugas Sekarang ini:

Duli Yang Maha Mulia telah bertitah pada 22hb. Jun, 1968 semasa merasmikan Kursus Wazir2, Cheteria2 dan Manteri2 termasuk Manteri2 Pendalaman seperti berikut: Di-sini, ingin-lah Beta ber-seru kepada Ahli2 Kursus yang menyandang sabagai pembesar2 di-negeri ini, walau pun tidak sahara langsung tetapi sa-kurang2-nya bagi pembesar2 yang tidak mempunyai jawatan2 penting di-dalam pemerintahan, tetapi mereka harus-lah laila bersungguh2 bertindak sabagai talipenghubung antara Beta keadaan baik raayat pendudok dan laila isi Negeri Brunei atau sabagai mata Beta bagi memerhatikan dan melihat pergolakan2 di-negeri ini. Mereka hendak-lah mengambil bahagian yang penting bagi memerhatikan, menasihatkan atas nama gelaran kepentingan2 laila rakyat, baik dalam bidang laila ekonomi, pelajaran atau jika perkara itu ada kaitan-nya dengan pentadbiran supaya atau bagi membolehkan Beta dengan Kerajaan Beta dapat mengikhtikarkan dengan daya upaya boleh kepada atau pada perkara2 yang benar mustahak pada mendahulukan-nya setelah nyata berbukti pada mengusahakan-nya. Kerajaan Beta sentiasa mengemukakan kema'amoran, kebahagiaan lebeh2 lagi keamanan

dan ketenteraman di-Negeri Brunei Darul Salam kita yang di-kasehi ini.

Dari titah tersebut, dapat-lah diambil kesimpulan bahawa kewajipan orang2 yang bergelar sekarang ini termasuklah:

- Sa-bagai tali penghubung antara Sultan dengan raayat dan pendudok negeri ini.
- Sa-bagai mata yang melihat dan memerhatikan pergolakan2 di-negeri ini.
- Mengambil bahagian yang chergas dalam sebarang usaha yang memberi faedah kepada raayat.
- Memerhatikan kesusahan raayat, memerhatikan keadaan hidup raayat, dan hasil pemerhatian itu hendak-lah di-sembahkan kepada Sultan.
- Memberi nasihat kepada Sultan dalam sebarang perkara yang ada hubungan dengan kepentingan raayat.

Panggilan Kehormatan:

Untuk menyesuaikan dengan Adat Istiadat maka panggilan2 kehormatan ada-lah seperti di-bawah ini:

a. Sultan:

- Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan.
- Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan (sa-sudah di-puspa).
- Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Dan Yang Di-Pertuan (sasudah di-puspa dan naik haji).
- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan (sasudah turun dari tahta).

b. Wazir dan Putera Sultan:

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran

c. Cheteria:

Yang Amat Mulia.

d. Kepala Manteri dan Manteri Empat:

Yang Di-Hormati Lagi Di-Mulikan.

e. Manteri2 Yang Berchiri:

Yang Di-Mulikan.

Sembah Kehormatan:

Orang2 yang berhak di-beri sembah kehormatan ia-lah, Sultan, Raja Isteri dan Putera Puteri Baginda serta Wazir dan Cheteria.

Orang2 yang di-mestikan mengangkat sembah kehormatan itu ia-lah orang2 yang bergelar. Dan masa yang tertentu sahaja.

Erti Sembah:

Sembah menurut Adat Istiadat mempunyai erti yang tertentu dan dalam cheramah ini saya akan menerangkan berhubung dengan erti sembah ketika Sultan membalas sembah yang di-tujukan kepada Baginda.

Ketika Sultan membalas sembah Wazir tangan Sultan di-bawah hidung dan ibu jari Baginda menghala ka-mata. Ini mengandungi erti Sultan dan Wazir itu ada-lah sa-pemandangan, ya'ani sa-pemandangan dalam memerhatikan keadaan2 raayat dan negara meliputlah kemajuan, perkembangan, kemunduran, kesusahan dan sabagai-nya. Atau pun Wazir itu hendak-lah sentiasa memandang dan memerhatikan serta mengambil berat berhubung dengan kepentingan raayat dan negara seperti Sultan juga.

Ketika Sultan membalas sembah Cheteria, tangan Baginda di-bawah bibir dan ibu jari Baginda menghala ka-hidong, ini bererti Sultan dan Cheteria itu adalah sa-panchiuman, ya'ani Cheteria hendak-lah sentiasa memerhatikan keadaan raayat dan negara dan sebarang pendengaran atau panchiuman yang diketahui oleh mereka sama ada haram atau sa-balek-nya hendak-lah di-sembahkan kepada Sultan demi kepentingan raayat dan negara.

Ketika Sultan membalas sembah Manteri, tangan Baginda di-atas dada dan ibu jari Baginda menghala ka-mulut, ini bererti bahawa Sultan dan Manteri itu ada-lah sa-perbinchangan, ya'ani Sultan boleh membawa Manteri2 itu bermashuarat atau bermuzakarah dan Manteri2 itu pula hendak-lah menyembahkan perkara2 yang ada hubungan-nya dengan raayat dan negara.

Penutup:

Demikian-lah selayang pandang mengenai dengan Adat Istiadat Brunei yang dapat saya bicharakan, semoga akan memberi te-dah kepada kita semua, dalam pada itu jika terdapat sebarang kesalahan atau kehilapan maka di-haraplah para peserta kursus yang mengetahui-nya membuat pembetulan atau seperti kata kita orang Brunei berlurus2an kerana sa-bagaimana yang saya katakan dalam permulaan cheramah ini bahawa saya bukan-lah orang-nya yang layak bichara mengenai Adat Istiadat Brunei, tetapi saya hanya memberanikan diri dengan di-sertai oleh usaha yang terdaya oleh saya.

Dalam pada itu jika terdapat sebarang kesilapan itu bukan-lah maksud saya untuk berbuat sedemikian tetapi ada-lah menunjukkan ketuhoran saya dalam perkara ini.

Penerangan: Ini ada-lah salah satu bedil yang amat menakutkan dan aneh dari segi perbuatannya dan bentuk-nya di-antara bedil2 dalam kumpulan Muzium Brunei. Badan-nya berbentuk sa-ekor buaya, dari mana bedil itu di-gelar serta dengan sisek di-serata bedil itu.

Dalam Adat Istiadat Di-Raja Brunei, di-antara anugerah persalinan dan aluan2 kepada orang2 yang bergelar, terdapat 2 puchok bedil di-anugerahkan kepada Wazir, sa-puchok kepada Cheteria2 dan Manteri2 Pengalasan Besar (lihat: Yusof, P. M. Adat Istiadat Di-Raja Brunei (Darul Salam), 1958, ms 65 & 66). Ada-lah diakui bahawa bedil juga mengambil peranan yang penting dalam sejarah Brunei dahulu terutama sekali dalam peristiwa peperangan orang2 Brunei dengan Sepanyol dan Inggeris, masing2 dalam kurun ke-16 dan 19. (Lihat renchana P. M. Shariffudin dalam Journal Muzium Brunei Jilid I, 1969 mengenai "Bedil2 Brunei"). Tetapi ada-lah di-perchayai dari penyelidikan yang di-jalankan bahawa bedil jenis yang tertera ini tidak-lah di-gunakan sa-bagai anugerah persalinan dan aluan2 atau untuk alat senjata. Jenis bedil untuk kedua perkara ini berbentuk bulat tidak keseluruhan-nya menyerupai sesuatu.

Bagi orang2 Melayu Brunei dahulu dan kaum2 di-daerah pendalaman, bedil di-gunakan dalam adat istiadat perkahwinan sa-bagai tanda atau berizn. Pada sa-tengah kaum penggunaan bedil dalam istiadat perkahwinan maseh di-jalankan tetapi sekarang boleh di-bayar-ganti dengan wang. Bedil juga melambangkan prestasi dan darjat sa-seorang waktu dahulu. Malah pernah timbul pepatah tempatan mengatakan "rumah si-anu itu bertungkatkan bedil".

Bedil ini di-beli dalam tahun 1968 dari sa-orang pedagang yang datang dari Sarawak.

Sukatan: Panjang 4' 1".

Lebar 5½".



Gambar atas menunjukkan isteri Pengarah Pelajaran, Datin McInnes sedang menyampaikan piala rebutan hadiah Jabatan Pelajaran kepada wakil Sekolah Menengah Melayu SMJA, Bandar Brunei yang telah mendapat tempat pertama dalam pameran Seni Lukis dan Pertukangan Tangan Perengkat Negeri yang telah diadakan di-Bandar Brunei pada hari Ahad lepas.

Tempat kedua bahagian sekolah2 menengah ini telah di-menangi oleh Sekolah Menengah Melayu Jalan Muara dan ketiga Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong.

Bahagian Sekolah2 rendah: Pertama — Sekolah Melayu Bahagian Brunei Satu, kedua — Sekolah Melayu Bahagian Tutong Dua dan ketiga — Sekolah Melayu Bahagian Tutong Satu.

Peraduan yang ketiga di-anjurkan oleh Jabatan Pelajaran itu telah di-rasmikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Pengiran Anak Mohd. Yusof.

Tiga orang penuntut Brunei masok universiti

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang penuntut Brunei telah berlepas ka-Kuala Lumpur pada minggu lepas untuk meneruskan pelajaran mereka di-Universiti Malaya atas biasiswa kerajaan.

Mereka ia-lah Dayang Jahrah binte Mohammad, Daya ig Fatimah binte Mohd. Hussein dan Awang Hisham bin Mohamed Sum.

Mereka telah lulus dalam pemeriksaan Sijil Persekolahan Tinggi tahun lepas.

Dayang Jahrah, bekas pelajar Sekolah Menengah Sang Nila Utama di-Singapura akan berada di-Kuala Lumpur selama tiga tahun untuk mengambil ijazah serjana muda dalam jurusan ekonomi.

Dayang Fatimah dan Awang Hisham kedua2-nya bekas penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin akan mengambil ijazah Bachelor of Arts dan diploma dalam pelajaran selama kira2 empat tahun.

JAWATAN2 KOSONG:

Sa-bagai Juruteknik X-Ray

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi jawatan2 Juruteknik X-Ray di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon mesti-lah berkelayakan dan berpengalaman sa-bagai Juruteknik X-Ray.

Mereka mesti-lah sedia untuk menjalankan tugas2 biasa sa-bagai sa-orang Juruteknik X-Ray termasuk menchuchi filem; dan jika perlu, menjalankan tugas2 pentadbiran dalam Jabatan X-Ray di-mana mereka bekerja.

Rumahsakit2 Kerajaan dalam Negeri Brunei di-lengkapi dengan Radiological Protection Service.

Pakaian seragam akan disediakan dan juga elaon dhobi tiap2 bulan akan di-bayar.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB4 — \$210 x 270 x 15 — 360 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Perkhidmatan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perhubungan se-

lama enam bulan. Bagi chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan selama tiga tahun.

BAKSIS:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 yang mesti dipenonkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 25 Jun, 1970.

Sa-bagai Tukang Lukis

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 Tukang Lukis di-Pejabat Tanah Brunei dan Kuala Belait.

Hanya pegawai2 yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman seperti berikut di-kehendaki memohon:—

a) Pemohon2 mesti-lah boleh membaca dan menulis Melayu atau telah lulus darjah IV Sekolah Melayu atau yang bersamaan.

b) Mesti-lah sekurang2-nya berkhidmat dengan Kerajaan selama 3 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E1-2 EB3 — \$200 x 10 — 270/EB/280 x 10 — 330.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti dipenonkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 8 Jun, 1970.

Merinyu Pulis berlateh di-K.L.


BERAKAS. — Sa-ramai tujuh orang Merinyu Pulis perhubungan telah berlepas ka-Kuala Lumpur pada minggu lepas untuk menjalani kursus di-Malaysia Barat.

Mereka ia-lah Awang Hamzah bin Mohamed Salleh; Awang Zainal Abidin bin Abdul Rahman; Awang Majid

bin Ahmad; Awang Mohamed Ibrahim bin Kassim; Awang Zainuddin bin Abdul Rahman; Awang Bahar bin Arshad dan Awang Zainal Abidin bin Sanif.

Mereka itu akan menjalani latehan di-Maktab Pulis Di-Raja Malaysia di-Kuala Kubu Bahru, Negeri Selangor selama enam bulan.

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



PERADUAN SENI LUKIS SEMPENA MENYAMBUT HARI KEPUTERAAN D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Pelukis2 tempatan akan berpeluang untuk mengadu dan menunjukkan kebolehan masing2 dalam satu peraduan dan pameran seni lukis sempena menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ke-24 pada tahun ini.

Peraduan dan pameran itu ada-lah terbuka kepada pelukis2 Negeri Brunei yang akan berlangsung sa-lama 10 hari—mulai 13 hingga 22 Julai, 1970 bertempat di-Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Pengerusi Peraduan dan Pameran, P. A. Asmalee menyatakan bahawa tujuan utama peraduan pameran itu ia-lah untuk memperlihatkan kebolehan anak2 Brunei di-lapangan seni lukis dalam berbagai2 segi, di-samping meraikan hari keputeraan Kebawah Dulj Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

“Brunei, kata-nya, tidak ketinggalan dengan pelukis2 muda-nya yang berbakat dan mempunyai harapan yang besar untuk maju dan kerana itu harus timbul satu inisiatif untuk menggalakkan mereka berkecimpung terus”.

P. A. Asmalee yang juga berkhidmat sa-bagai pelukis kanan di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei mengharapkan supaya peraduan dan pameran itu akan di-sambut baik oleh pelukis2 tempatan untuk sama2 menjayakan-nya.

Jenis2 lukisan yang di-kehendaki dalam peraduan dan pameran itu ada-lah terbahagi kepada 7 bahagian ia-itu seni abstrak; potrit; benda kaku (still life); pemandangan (land-scape); batek; archa (sculpture); dan poster.

Peraduan dan pameran itu terbuka kepada orang2 dewasa; penuntut2 Maktab2 dan Sekolah2 Menengah Atas; dan penuntut2 Sekolah2 Menengah Bawah Tingkatan I, II, III, sahaja.

Tiap2 peserta di-kehendaki menghantar satu lukisan bagi tiap2 satu bahan (media) dalam satu2 bahagian lukisan.

Keterangan2 lanjut boleh di-dapati daripada Pengerusi/Setia Usaha Peraduan dan Pameran di-alamat Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Jawatankuasa peraduan dan pameran itu terdiri dari 6 orang pelukis ia-itu P. A. Asmalee (Pengerusi); Ak. Mohammad Pg. Abd. Rahman (Setia Usaha); Wahid Husin (Bendahara) dan di-bantu oleh Saleh Ibrahim; Rahim Ahmad dan Osman Damit.



Gambar atas menunjukkan salah sa-buah pasokan yang mengambil bahagian dalam perarakan Maulud di-Daerah Belait pada hari Sabtu lepas — Gambar BP/JHEU.

Mashuarat menetapkan tarikh penanaman padi tahun 1970/71

BANDAR BRUNEI. — Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Daerah Brunei/Muara telah mengadakan mashuarat - nya pagi semalam di-Dewan Kemasyarakatan Bandar Brunei bagi membincangkan penanaman padi serentak pada tahun ini.

Persidangan itu di-pengerusi-kan oleh Penulong Pegawai Daerah Brunei/Muara Awang Yunos bin Haji Hussain.

Sa-banyak 50 buah Kampong di-Daerah Brunei/Muara akan mulai menanam padi mereka awal bulan Ogos hadapan, 26 dari Kampong itu akan menanam padi paya dan yang lain-nya menanam padi tugal.

Awang Yunos mengingatkan penanam2 padi tugal apabila membakar tebasan mereka hendak-lah mengikut jadual yang di-tetapkan dan mereka hendak-lah memberi tahu Balai Bomba yang berdekatan sa-belum berbuat demikian.

Awang Yunos berkata penduduk2 yang berkenaan hendak-lah menangkap kerbau mereka serentak pada 15 Jun bagi mengelakkan kerbau2 itu merosakkan padi.

WAKTU PELAYARAN KAPAL KERAJAAN BRUNEI/LABUAN

BANDAR BRUNEI. — Waktu pelayaran bagi kapal membawa penumpang dari Bandar Brunei ka-Labuan ada-lah pukul 8.45 pagi dan bukan pukul 7.45 pagi pada hari2 bekerja mulai hari Sabtu, 30 Mei lepas.

Pada hari Juma'at 5 Jun kapal itu akan berangkat ka-Labuan pada masa yang biasa ia-itu pada pukul 7.45 pagi.

Perubahan sementara kepada jadual waktu itu akan di-teruskan hingga 11 Jun.

Pengarah Laut Awang Jack Turner berkata, kapal itu akan bertolak dari Labuan ka-Bandar Brunei ada-lah seperti biasa ia-itu pada pukul 2.30 petang.

Penulong Pegawai Daerah itu juga menyeru kepada semua penanam2 padi di-Daerah Brunei/Muara supaya membuat persediaan2 yang perlu dari sekarang bagi menghasilkan padi mereka yang lebih banyak dari tahun2 yang sudah.

Sa-luas 1,786½ ekar padi paya telah dapat menghasilkan 821,790 gantang padi tahun lalu dan hitung panjang tiap2 sa-ekar menghasilkan 460 gantang.

Mashuarat pada pagi itu telah juga di-hadiri oleh Penulong Pertanian Daerah Brunei / Muara Awang Haji Suhaimi bin Ismail dan Awang Rosli bin Omar.

ISTIADAT MENGAGA'I

BANDAR BRUNEI. — Istiadat mengagaj bagi Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Lakamana Dato Utama Awang Haji Mohamed Taha bin Pehin Ratna Di-Raja Awang Hussin telah di-adakan di-Lapau di-Bandar Brunei pada hari Isnin lepas.

Istiadat itu ada-lah sa-bagai persediaan bagi istiadat mengurniakan gelaran Yang Di-Muliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja pada 5 Jun.

Istiadat itu di-adakan di-hadapan pembesar2 negara termasuk Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammed Yusof dan Yang Amat Mulia Cheteria2.

Tiga istiadat mengurniakan gelaran yang lain-nya di-jadualkan berlangsung di-Lapau bulan ini.

Sambutan Maulud di-sana sini

KUALA BELAIT. — Lebih dari 4,000 orang umat Islam dari 48 pasokan yang mewakili persatuan2 belia, sekolah2, kampong2 dan jabatan2 kerajaan di-Daerah Belait telah mengambil bahagian dalam satu perhimpunan di-padang KBRC Kuala Belait pada hari Sabtu lepas kerana menyambut Maulud Nabi.

Sa-telah berhimpun, pasokan2 itu kemudian-nya berarak mengelilingi pekan Kuala Belait, sa-belum berhimpun semula di-padang KBRC.

Perarakan di-dahului oleh Pegawai Daerah Belait Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan dan ahli2 jawatankuasa Maulud Nabi daerah itu.

Sa-belum perarakan, Awang Haji Ali Khan telah memberikan ucapan, dan kemudian diikuti oleh sa-orang pegawai Hal Ehwal Ugama Awang Abdul Hamid bin Bakal yang mewakili Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kamaluddin Al-Haji.

Sharahan mengenai sejarah hidup dan ajaran Nabi Mohammed s.a.w. telah di-sampaikan oleh Kadzi Besar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin.

Sementara itu penduduk2 di-Jerudong telah merayakan Maulud Nabi dengan mengadakan rapat di-padang Sekolah Melayu Jerudong tengah hari Ahad lepas.

Mereka mula2 berkumpul di-padang itu dan kemudian-nya berarak dan berhimpun semula di-padang itu.

Di-rapat itu mereka juga mendengar sharahan2 mengenai riwayat hidup Nabi yang di-sampaikan oleh sa-orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Enam buah kampong di-Ulu Brunei juga merayakan Maulud Nabi di-Kampong Limau Manis tengah hari tersebut.

Kampong2 itu ia-lah Kampong Pangkalan Batu, Masin, Limau Manis, Wasan, Panchor Murai dan Junjongan.

Mashuarat agong PERWIRA

BANDAR BRUNEI. — Persatuan PERWIRA akan mengadakan Mashuarat Agong-nya yang pertama pada hari Juma'at 5 Jun, 1970 bertempat di-Dewan PUSPA Kampong Sungai Pandan, Brunei.

Mashuarat Agong Pertama Persatuan itu di-jadualkan akan di-rasmikan oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Brunei, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Sa-orang juruchakap persatuan itu menyatakan bahawa di-antara lain yang akan memberikan ucapan-nya dalam Majlis itu ia-lah Pesuruhjaya Kebajikan Masharakat Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Mohammad Salleh bin Haji Masri.